

Australia minta tarik balik syarat terhadap Lynas

Bangkok: Australia masih berharap Malaysia dapat menarik balik syarat yang dikenakan terhadap kilang nadir bumi, Lynas Malaysia Sdn Bhd (Lynas) di Kawasan Perindustrian Gebeng, Kuantan.

Perkara itu disuarakan Perdana Menteri Australia, Scott Morrison dalam pertemuan dengan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, sempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-35, di sini, semalam.

“Lynas adalah syarikat Australia dan membuat pelaburan besar di Malaysia.

“Mereka berharap kita dapat menarik balik syarat kepada syarikat berkenaan dan kita akan berbuat demikian dalam tempoh tiga bulan apabila kita sudah membuat keputusan.

“Kita tidak boleh meminta mereka keluar dari Malaysia, tetapi (mengenai residu radioaktif) kita akan menempatkannya di bebe-



Dr Mahathir bersama Morrison pada pertemuan dua hala sempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-35 di Bangkok, semalam. (Foto BERNAMA)

rapa tempat. Mungkin di Pahang atau juga di tempat lain bagi mengurangkan intensiti (radioaktif) berkenaan.

“Pada masa akan datang, kita juga minta syarikat berkenaan memproses bahan mentah berkenaan terlebih dahulu supaya sisa yang dihasilkan nanti di kilang di sini, bukan seperti ketika ini,” katanya pada sidang media kepada wartawan Malaysia.

Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (LPTA) pada Ogos lalu, mengenakan tiga syarat kepada Lynas selepas memperbaharui lesen operasi kilang itu selama enam bulan.

LPTA berkata, syarat itu diputuskan selepas Kerajaan Persekutuan Australia dan Kerajaan Negeri Western Australia memaklumkan kepada Malaysia bahawa pihaknya tidak akan menerima penghantaran balik residu radioaktif Water Leach Purification (WLP) Lynas.

Antara syaratnya, Lynas perlu mengemukakan perancangan bagi pembinaan kemudahan *cracking and leaching* (pemecahan dan larut-resap) di luar negara bagi tujuan memindahkan proses terbabit yang kini dijalankan di lojinnya di Gebeng, keluar dari Malaysia.

Kemudahan itu hendaklah dibina di luar negara dan mula beroperasi dalam tempoh empat tahun daripada tarikh sah lesen.

Selepas kemudahan berkenaan mula beroperasi di luar negara, pemegang lesen tidak lagi dibenarkan menghasilkan residu radioaktif yang melebihi satu becquerel per gram di lojinnya di Gebeng, Kuantan.

Mengulas lanjut, Dr Mahathir berkata, kerajaan sentiasa memikirkan kesan ke atas pelaburan langsung asing (FDI) seperti Lynas bagi mengelak merencatkan usaha menarik pelaburan asing ke negara ini.